

Penerbangan terjejas angkara SARS akan pulih September

14 - 21/09/03

MIRI: Penerbanaan membabitkan lebih 70 destinasi dalam dan luar negara yang dihentikan Penerbangan Malaysia (MAS) akibat Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) akan dipulihkan selewat-lewatnya September ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy, berkata usaha memulihkan semula penerbangan ke semua destinasi terbabit sudah pun dimulakan sejak awal bulan lalu.

Beliau yakin semua penerbangan yang dibatalkan itu dapat dipulihkan semula berikutan tiada baru SARS yang dilaporkan di seluruh dunia.

"Kita akan beri keutamaan kepada lokasi wabak SARS sudah pulih dan dilakukan secara berperingkat," katanya kepada pemberita di sini, petang semalam.

Terdahulu, beliau yang diiringi timbalannya, Datuk Douglas Uggah Embas dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Zaharah Zahari, meninjau lebih sejam operasi lapangan terbang baru Miri yang diperbesarkan dengan kos RM210 juta dan mula beroperasi sepenuhnya 1 Julai lalu.

Lapangan terbang itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat depan.

Selain itu, Chan berkata, kerajaan juga akan mengkaji beberapa destinasi baru yang berpotensi untuk diterokai oleh MAS dalam usaha meningkat dan menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan di negara ini.

Kerajaan, katanya, dari semasa ke semasa akan meningkatkan taraf lapangan terbang di seluruh negara seiring dengan perkembangan dan permintaan semasa.

"Setiap masa, kita akan kaji mana lapangan terbang yang perlu dinaik taraf seiring dengan pertambahan pengguna yang menggunakan lapangan terbang berkenaan.

"Pada masa ini, dua lapangan terbang sedang dinaik taraf iaitu di Alor Star dan Kuching," katanya.

Selain itu, Chan berkata, kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan kerajaan negeri yang berminat meminta supaya diadakan terus penerbangan ke sesuatu destinasi di luar negara yang berpotensi menarik kemasukan terus pelancong asing dari negara berkenaan.

Mengenai pembesaran Lapangan Terbang Miri, beliau berkata, lapangan terbang itu kini mampu menampung pendaratan pesawat besar seperti Airbus dan Boeing 747.